

## **Kendiri (Self)**

Kendiri merupakan sebahagian dari latar fenomena yang perlahan-lahan menjadi terpisah. Ia ialah satu konsepsi keseluruhan persepsi yang tersusun dan konsisten yang mewakili ciri-ciri: 'aku' dan persepsi terhadap perhubungan di antara 'aku' dengan orang lain, dan pelbagai lagi aspek kehidupan, bersama dengan nilai-nilai yang tersemat dengan persepsi ini. Ia merupakan satu keseluruhan yang terdapat di dalam kesedaran, satu *gestalt* yang berubah-ubah tetapi spesifik dalam satu jangka masa tertentu.

Konsep sebenar = Kendiri Unggul: (Real Self = Ideal Self)

Seseorang individu mempersepsikan sesuatu objek dan pengalaman yang nampaknya berkait dengan dirinya sebagai satu objek. Dia memberi makna kepada objek-objek ini. Keseluruhannya kesemua sistem persepsi dan makna menjadikannya latar fenomena dikenali sebagai Kendiri.

Konsep kendiri yang berkaitan ialah kendiri unggul (ideal self). Kendiri dalaman atau unggul merupakan konsep kendiri yang diinginkan oleh seseorang. Ini melibatkan persepsi dan makna yang mempunyai perkaitan dengan kendiri dan dihargai oleh individu.

Ada beberapa butiran yang menarik berkenaan dengan konsep kendiri Rogers :

1. Pandangan Rogers terhadap kendiri sama seperti kefahaman umum psikologi terhadap persepsi.
2. Kendiri mengandungi sifat 'configirational', gabungan mewakili satu yang terurus dan konsisten secara keseluruhan. Walaupun kendiri dikatakan berubah-ubah dia mempunyai pola sepadu dan tersusun. Dia bukan terjadi dari ribuan rangsangan yang bertindak bebas dan berlainan, tetapi merupakan satu pola keseluruhannya yang berubah dengan pertambahan baru tetapi masih kekal yang sama.
3. Kendiri tidak 'homunculus'. Kendiri tidak berbuat apa-apa. Seseorang individu tidak mempunyai satu kendiri yang mengawasi tingkahlakunya, sebaliknya dia mempunyai satu gabungan pangalaman yang digambarkan sebagai kendiri.
4. Gabungan pengalaman dan persepsi, dikenali sebagai kendiri, pola timbul dalam kesedaran. Jika definisi kendiri terlibat dengan ukuran yang tidak sedar, sukar dioperationaliskan untuk membuat kajian.

Dalam ribuan sesi kaunseling yang dijalankan oleh Rogers begitu banyak kenyataan yang merujuk kepada kendiri seperti kendiri sebenar dan kendiri unggul. Pengalman ini membuatkan Rogers begitu pasti dengan pengalaman yang dialami manusia dan matlamat manusia ialah untuk menjadi kendiri-sebenar (real-self).

Rogers menumpukan pandangan terhadap personaliti yang menekankan kepada perubahan. Manusia bergerak ke depan, untuk mencari kesempurnaan. Berlainan dengan Freud, yang menganggap personaliti tekal dan stabil, dan tenaga disalurkan. Tidak ada penggerak dalam diri manusia tetapi lebih kepada kecenderungan terhadap penyempurnaan-kendiri.

"The organism has one basic tendency dand striving to  
sctualize maintain, and enhance its experiencing organis".

Rogers tidak mempercayai manusia mempunyai banyak motif. Konsep penyempurnaan melibatkan;

- Kecenderungan organisme untuk bergerak dari struktur yang senang kepada yang berbeza-beza dan sepadu.
- Bergerak dari kebergantungan kepada kebebasan.
- Dari kekekalan dan tegas kepada perubahan dan kebebasan
- Melibatkan organisme terhadap pengendalian – keperluan, atau pengendalian-ketegangan. Tumpuan mereka lebih kepada keseronokan atau kepuasan yang didapati dari aktiviti yang meningkatkan pertumbuhan organisme.
- Aktiviti yang kreatif dilakukan oleh organisme.
- Organisme berfungsi untuk mengekalkan konsistensi di antara persep-kendiri dengan kekongruen dan persepsinya dengan pengalamannya. “Kebanyakan cara kita bertingklaku yang sudah disesuaikan oleh organisme adalah yang konsisten dengan konsep sendiri”.

Organisme tidak bergerak untuk mencari keseronokan atau mengelak dari kesakitan tetapi semata-mata untuk mengekalkan organisasinya (strukturnya). Oleh itu individu hanya benar kepada dirinya sahaja. Seseorang akan bertingklaku dengan cara yang konsisten dengan konsep-kendirinya, walaupun tingklaku ini tidak memberi apa-apa ganjaran kepadanya. Misalnya, seseorang yang mengatakan dirinya pemalas dia dengan apa daya akan cuba tidak datang ke kelas personaliti, walaupun dengan berbuat demikian dia akan ketinggalan dalam banyak hal!